



# JOHOR

# DALAM



# KONTEKS

# EKONOMI

# GLOBAL

09595119 adijah Md. Khalid et al.

KHA

**TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

YAB Tun Dr Mahathir Mohamad,

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

YAB TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD  
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

# JOHOR DALAM KONTEKS EKONOMI GLOBAL



KHADIJAH MD  
KHALID

18 Mac 2019





TUN DR. MAHAHMUD MOHAMAD

# JOHOR DALAM KONTEKS EKONOMI GLOBAL

Khadijah Md. Khalid  
Shakila Yacob  
Fatimah Kari  
Sharifah Mariam Mohammed Alhabshi  
Suria Baba  
Roslinda Ithnin  
Sumiani Yusoff



UNIVERSITY  
OF MALAYA  
PRESS

KUALA LUMPUR • 2017

PUSTAKA PERDANA



1011809

Diterbitkan oleh  
**Penerbit Universiti Malaya**  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
www.umpress.com.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO. AR 2760

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. 196906  
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Khadijah Md. Khalid et al. 2017

Semua hak terpelihara.  
Tiada mana-mana bahagian jua  
daripada penerbitan ini  
boleh diterbitkan semula atau disimpan  
dalam bentuk yang boleh diperolehi semula  
atau disiarkan dalam sebarang bentuk  
dengan apa cara sekali pun  
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,  
rakaman atau lain-lain tanpa  
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Khadijah Md. Khalid, Prof. Madya  
JOHOR DALAM KONTI.KS EKONOMI GLOBAL / Khadijah Md. Khalid,  
Shakila Yacob, Fatimah Kari, Sharifah Mariam Mohammed Alhabshi,  
Suria Baba, Roslinda Ithnin, Sumiani Yusoff.  
Includes index  
Bibliography: page 133  
ISBN: 978-983-100-886-7  
1. Johor (Malaysia) Economic conditions.  
2. Johor (Malaysia) Social conditions.  
I. Shakila Yacob. II. Fatimah Kari.  
III. Sharifah Mariam Syed Mohammed Alhabshi.  
IV. Suria Baba. V. Roslinda Ithnin, Prof. Madya, Dr.  
VI. Sumiani Yusoff. VII. Jurulul.  
330.09595119

Dicetak oleh  
Penerbit Universiti Malaya  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia

330.09595119  
KFA

# Kandungan

<i>Senarai Rajah</i>	<i>ix</i>
<i>Senarai Jadual</i>	<i>xi</i>
<i>Senarai Penyumbang</i>	<i>xiii</i>
<i>Prakata</i>	<i>xvii</i>
<i>Senarai Singkatan</i>	<i>xxi</i>
<b>Bab 1 : Pengenalan</b>	<b>1</b>
<i>Khadijah Md. Khalid</i>	
Kepimpinan dan Dasar Pembangunan Ekonomi Malaysia	4
Proses Urbanisasi: Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Melayu Bandar	8
Johor dalam Konteks Pembangunan Malaysia	9
Pendekatan Politik Demografi dalam Konteks Pembangunan Johor	10
Masyarakat Johor Kini	12
<b>Bab 2 : Isu dan Cabaran Pembangunan Ekonomi Johor</b>	<b>15</b>
<i>Shakila Yacob, Fatimah Kari &amp; Khadijah Md. Khalid</i>	
Pembangunan Ekonomi: Sepintas Lalu	15
Senario Pembangunan Ekonomi Menjelang 2020	16
Mendepani dan Menangani Cabaran	33
<b>Bab 3 : Kebitaraan Daerah Johor</b>	<b>35</b>
<i>Fatimah Kari &amp; Shakila Yacob</i>	
Pelan Pertumbuhan Strategik Johor 2016-2020	36
Kebitaraan Daerah di Johor	36
Kawasan Iskandar Malaysia sebagai Pemacu Kebitaraan Wilayah	39
Sektor Asas dalam Pembangunan Kebitaraan Daerah IKS dan Industri Mikro	45
	46

Sektor Tradisional sebagai Tunggak Kebitaraan Daerah	47
Sektor Pekerjaan Tradisional	49
Faktor Singapura dan Kebitaraan Daerah	51
Model Ekonomi Baru	52
<b>Bab 4 : Impak Liberalisasi ke atas Ekonomi dan Pelaburan Johor</b>	<b>55</b>
<i>Fatimah Kari, Shakila Yacob &amp; Khadijah Md. Khalid</i>	
Ekonomi Johor dalam Konteks Ekonomi Federalisme	56
Senario Pembangunan Ekonomi Johor Menjelang 2020	58
Pendemokrasian Ekonomi Melalui Pelaburan Asing	58
Faktor Pelaburan Singapura dan China	59
Pelaburan dan Pendemokrasian Ekonomi	67
Impak Pelaburan Hartanah ke atas Masyarakat Setempat	68
Impak Pelaburan Terhadap Masyarakat Majoriti Johor	70
<b>Bab 5 : Pendidikan dan Pengupayaan Modal Insan</b>	<b>77</b>
<i>Suria Baba, Fatimah Kari &amp; Roslinda Ithnin</i>	
Pembangunan Modal Insan	78
Pendidikan dan Peluang Pekerjaan	80
Kelayakan Akademik dan Peluang Pekerjaan	83
Infrastruktur Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan	85
Persepsi Orang Awam tentang Pembangunan Modal Insan	87
Persepsi Orang Awam Terhadap Peranan Kerajaan Negeri dalam Sektor Pendidikan dan Pekerjaan	89
Isu Pendidikan daripada Suara dan Perspektif Akar Umbi	92
Peranan Pelaburan Asing dalam Sektor Pendidikan Tinggi	96
Pendidikan sebagai Agenda Utama Pembinaan Modal Insan Berkaliber	98
<b>Bab 6 : Isu Alam Sekitar dan Pembangunan Mapan</b>	<b>101</b>
<i>Sharifah Mariam Mohammed Alhabshi, Fatimah Kari &amp; Sumiani Yusoff</i>	
Isu dan Permasalahan Pembangunan Mapan	102
Projek RAPID: Impak Pembangunan ke atas Kelestarian Kehidupan	103
Pembangunan dan Kesan Eksternaliti Negatif	107
Kilang Haram dan Pemandang Asing Tanpa Izin (PATI)	110
Kekangan Pihak Berwajib dalam Mengurus Pembangunan Mapan	113
Guna Tanah, Pembangunan dan Alam Sekitar	114
Peranan Pihak Berwajib	117
Pembangunan Mapan Sebagai Agenda Pembangunan Negara	119

<b>Bab 7 : Kelangsungan Bangsa Johor dalam Arus Perubahan Ekonomi Global</b>	<b>121</b>
<i>Khadijah Md. Khalid</i>	
Peluang Pekerjaan dan Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Setempat	124
Pembangunan Mapan	125
Impak Pendemokrasian Pendidikan Terhadap Pemikiran Golongan Muda	126
Pekerjaan dan Tahap Pendapatan Golongan Muda	127
Impak Kehadiran Komuniti Luar/Rakyat Asing	127
Cadangan	130
Rumusan	131
<b>Bibliografi</b>	<b>133</b>
<b>Indeks</b>	<b>143</b>



# Senarai Rajah

Rajah 2.1:	Projek Utama di Iskandar Malaysia	21
Rajah 2.2:	Pendapatan individu dan isi rumah	23
Rajah 2.3:	Tahap pengajian tertinggi responden	24
Rajah 2.4:	Jenis Pekerjaan Responden	25
Rajah 2.5:	Peluang pekerjaan mengikut sektor di negeri Johor, Disember 2015	27
Rajah 2.6 :	Peluang pekerjaan di Johor	28
Rajah 2.7:	Beban kerja mengikut sektor pekerjaan	29
Rajah 2.8:	Kecenderungan atau minat anak muda bekerja dalam sektor pekerjaan tradisional	31
Rajah 2.9:	Pulangan lumayan sektor pekerjaan tradisional	31
Rajah 2.10:	Penguasaan sektor tradisional oleh tenaga kerja asing	32
Rajah 3.1:	Kecenderungan atau minat anak muda dalam sektor pekerjaan tradisional	48
Rajah 3.2:	Pulangan lumayan sektor pekerjaan tradisional	48
Rajah 3.3:	Penguasaan sektor tradisional oleh tenaga kerja asing	49
Rajah 3.4:	Singapura penyumbang utama pembangunan ekonomi Johor	52
Rajah 4.1:	Perusahaan kecil terjejas disebabkan pembukaan pasar raya besar	72
Rajah 5.1:	Pekerjaan yang dimiliki bertepatan dan relevan dengan kelayakan akademik	84
Rajah 5.2:	Ketidakpuasan hati responden terhadap fasiliti perpustakaan mengikut kawasan parlimen	86
Rajah 5.3:	Tahap kepuasan belia terhadap kerajaan negeri Johor menangani isu pendidikan	90
Rajah 5.4:	Tahap kepuasan responden belia terhadap kerajaan negeri Johor menangani isu pengangguran	91
Rajah 5.5:	Tahap kepuasan responden belia terhadap kerajaan Johor menangani isu pengambilan pekerja asing	92

Rajah 5.6:	Kesedaran akan kewujudan EduCity	97
Rajah 6.1:	Kewujudan kilang haram mengikut kawasan Parlimen	108
Rajah 6.2:	Kilang haram sebagai penarik pendatang asing	111
Rajah 6.3:	Kaedah komunikasi untuk menyalurkan aduan tentang kilang haram.	114
Rajah 6.4:	Pembangunan pesat di negeri Johor menyebabkan kenaikan kos sara hidup yang ketara	115
Rajah 6.5:	Pelaburan hartanah Johor semakin dikuasai oleh pembeli dari Singapura dan China	116
Rajah 6.6:	Agenda pembangunan ekonomi Johor amat bergantung kepada peranan pelabur serta kuasa beli rakyat Singapura	117

# Senarai Jadual

Jadual 2.1: Pelaburan di Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah	18
Jadual 2.2: Pelaburan (sektor pengilangan) di Selangor, Johor & Pulau Pinang	19
Jadual 2.3: Pembangunan lima zon ekonomi	21
Jadual 2.4: Tenaga buruh dan kadar pengangguran di Johor, 2008-2012	26
Jadual 2.5: Pembangunan dan peluang pekerjaan di negeri Johor	27
Jadual 2.6: Graduan Kelahiran Johor Yang Bekerja di Johor	29
Jadual 3.1: Strategi Pertumbuhan Daerah PPSJ 2016 - 2020	38
Jadual 3.2: Lokasi utama Pusat Perindustrian Johor	40
Jadual 3.3: Sektor pengilangan mengikut industri di Johor 2013	42
Jadual 3.4: Sektor pengilangan mengikut industri di Malaysia 2015-2016	43
Jadual 4.1: KDNK Mengikut Negeri, 2005 - 2013 pada Harga Malar 2005 dan Perubahan Peratusan Tahunan	57
Jadual 4.2: Pelaburan (sektor pengilangan) di Selangor, Johor dan Pulau Pinang, 2013	60
Jadual 4.3: Pelaburan (sektor pengilangan) di Selangor, Johor dan Pulau Pinang, 2015	60
Jadual 4.4: Pelaburan (sektor pengilangan) di Selangor, Johor dan Pulau Pinang, Januari – Mac 2016	60
Jadual 4.5: Pelaburan Asing di Johor (2013)	62
Jadual 4.6: Pelaburan Asing di Johor (2015)	62
Jadual 4.7: Pelaburan Asing di Johor (2016)	63
Jadual 4.8: Pemaju China di Iskandar Malaysia	65
Jadual 4.9: Faedah Daripada Pembangunan Pesat Negeri Johor Mengikut Kawasan Parlimen	71
Jadual 4.10: Perusahaan Kecil Terjejas Disebabkan Pembukaan Pasar Raya Besar Mengikut Parlimen	73

Jadual 5.1: Bilangan pelajar di sekolah rendah di Johor dan bilangan nisbah sekolah kepada pelajar	80
Jadual 5.2: Bilangan pelajar di sekolah menengah di Johor dan bilangan nisbah sekolah kepada pelajar	82
Jadual 5.3: Perbandingan jawatan kosong baharu yang dilaporkan di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2012)	82
Jadual 5.4: Program utama yang boleh membantu rakyat Johor	87
Jadual 5.5: Persepsi Responden Johor dan Negeri lain tentang Iskandar Malaysia dan Educity	98
Jadual 6.1: Kewujudan kilang haram berhampiran kediaman	108
Jadual 6.2: Jangka masa kewujudan kilang haram	110
Jadual 6.3: Kehadiran pendatang asing dan tahap kebimbangan dan keresahan penduduk tempatan	112

# Senarai Penyumbang

1. **Khadijah Md. Khalid (Profesor Madya Dr)** adalah Pengarah Eksekutif, Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA), Universiti Malaya (UM) sejak April 2006. Sebelum ini beliau pernah memegang jawatan sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, UM (1990-2006). Bidang pengkhususan beliau ialah Politik Malaysia, Politik Perbandingan, Hubungan dan Polisi Luar Malaysia dan Hubungan Antarabangsa. Beliau menerima Ijazah Kedoktoran (Pengajian Politik) daripada School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom (UK).
2. **Shakila Yacob (Profesor)** menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Asia Tenggara dari UM. Beliau meneruskan pengajian di peringkat Sarjana dalam Sains Politik di Western Michigan University, Amerika Syarikat dan menerima ijazah kedoktoran (PhD) dalam bidang Pengurusan dari University of Reading, UK. Bidang penyelidikan beliau termasuk sejarah perniagaan, perniagaan antarabangsa dan juga politik perbandingan.
3. **Fatimah Kari (Profesor Madya Dr)** menerima ijazah pertama dalam bidang Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kemudiannya meneruskan pengajian di peringkat sarjana (Ekonomi) di University of Leicester, UK. Beliau menerima ijazah kedoktoran dalam bidang Ekonomi dari Mississippi State University, Amerika Syarikat (AS). Bidang kepakaran beliau adalah perdagangan antarabangsa dan ekonomi alam sekitar.
4. **Sharifah Mariam Mohammed Alhabshi (Profesor Madya Dr)** memperoleh ijazah pertama dalam bidang Perancangan Bandar dan Dasar Awam dari University of Southern California, AS dan meneruskan pengajian ke peringkat sarjana dalam Urban Regional

Environment sebelum memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang Geographic Information and Development dari Durham University, UK. Sebelum menyertai bidang akademik pada tahun 1994, Dr Sharifah pernah berkhidmat di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia. Berdasarkan pengalaman luas Dr Sharifah mengenai isu-isu pembangunan negara, beliau dilantik sebagai perunding projek-projek di peringkat kebangsaan seperti di Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan agensi antarabangsa seperti World Bank, ODA, ASEAN + 3, JICA dan USAID.

5. **Suria Baba (Profesor Madya Dr)** adalah Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah (Akademik & Antarabangsa) di Institut Kepimpinan Pendidikan (IEL), UM. Beliau juga merupakan Pengerusi bagi iCGPA pasukan teknikal untuk lima Pilot Universiti yang terlibat kerja-kerja pelaksanaan iCGPA. Dr Suria merupakan pensyarah bersekutu di IEL UM, dan beliau pernah menyelaras pelbagai program *outbound* untuk pelajar pascasiswazah ke India, Indonesia, Singapura, Thailand dan UK. Mempunyai kepakaran dalam bidang pedagogi dan kurikulum, beliau adalah seorang guru sekolah pada awal kerjayanya di Institut Pendidikan Guru.
6. **Roslinda Ithnin (Profesor Madya Dr)** adalah Pengarah Pusat Asasi, UM. Sebelum dilantik ke jawatan tersebut, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah di Pusat Penyelidikan Geran Pengurusan (PPGP), Institut Pengurusan Dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP), UM dan moderator Kimia di dua buah institusi swasta di Malaysia. Selain daripada itu, beliau juga adalah ahli ECoS (Educational Co-research for Sustainability) di Jepun. Dr Roslinda bekerjasama dengan penyelidik dari Toin University of Yokohama dan Tokyo Gakugei University untuk membangunkan bahan pendidikan untuk pembangunan lestari dalam pendidikan sains.
7. **Sumiani Yusoff (Profesor Madya Dr)** merupakan Dekan Kluster Penyelidikan Sains Kelestarian, Universiti Malaya. Sebelum ini beliau merupakan Timbalan Pengarah Pengurusan dan Peningkatan Pusat Kualiti (QMEC), Universiti Malaya. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah di Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA) Universiti Malaya (UM) dari Jun 2010 hingga Disember 2011 dan penyelaras bagi program Kejuruteraan Alam Sekitar di Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya dari tahun 2005 hingga 2009. Dr Sumiani memperoleh ijazah pertama dalam bidang Kejuruteraan

Awam (Kepujian) dari Universiti Teknologi Malaysia dan meneruskan pengajian ke peringkat sarjana dalam Public Health and Environmental Control Engineering dari University of Strathclyde, Scotland sebelum memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang Pengurusan dan Kejuruteraan Alam Sekitar dari Universiti Malaya. Bidang penyelidikan dan kepakaran beliau merangkumi pengurusan dan polisi pembangunan mapan, penilaian impak alam sekitar, teknologi hijau, penilaian jejak karbon dan kitar hayat dan pengurusan sisa pepejal. Dr Sumiani menganggotai beberapa jawatankuasa teknikal peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan telah menjalankan kerja perundingan dan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta termasuk Sirim International, Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Perbadanan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), Jabatan Alam Sekitar Malaysia, JSPS, JICA, UNEP, DANIDA dan lain-lain lagi.



# Prakata

Buku ini adalah sebahagian daripada hasil penemuan kajian bertajuk, “Impak Perubahan Demografi ke atas Kedudukan Sosioekonomi Masyarakat Majoriti Negeri Johor: Isu Serta Cabaran Masa Kini dan Hadapan.” Ia merupakan kajian komprehensif yang amat penting dalam meninjau impak dan kedudukan sosioekonomi masyarakat, khususnya masyarakat majoriti (Melayu) di Johor.

Kajian yang dilaksanakan pada April 2014-Disember 2015 merangkumi pelbagai disiplin ilmu, antaranya, sejarah, sosiologi, ekonomi, politik dan keselamatan serta pembangunan, termasuk perancangan bandar. Justeru, buku ini cuba mengupas pelbagai persoalan yang berbangkit daripada proses perubahan demografi ke atas kehidupan masyarakat majoriti negeri Johor yang kini semakin terdedah kepada isu, permasalahan dan cabaran dari pelbagai arah dan dimensi.

Kerancangan pembangunan ekonomi Johor, khususnya selepas pelancaran Projek Pembangunan Iskandar Malaysia hampir lebih sedekad lalu telah menyebabkan pelbagai kesan yang dijangka dan tidak dijangka yang memerlukan penyelesaian yang konkrit. Ini adalah kerana isu, permasalahan dan cabaran yang berbangkit daripada kepesatan proses pembangunan di Iskandar Malaysia dan juga limpahan di luar wilayah Iskandar Malaysia telah memberikan impak besar ke atas pembangunan sosiobudaya dan ekonomi masyarakat majoriti dan negara secara keseluruhannya. Kedudukan strategik negeri Johor yang bersebelahan dengan negara ketiga terkaya di dunia, Singapura, menjadikan masyarakat Johor semakin terdedah kepada pelbagai tekanan dan cabaran yang perlu difahami dan ditangani segera oleh kerajaan dan rakyat.

Buku ini cuba menjawab beberapa persoalan utama, antaranya, sejauh manakah pembangunan ekonomi di sesebuah kawasan/wilayah benar-benar memberikan pulangan ekonomi kepada masyarakat tempatan contohnya peluang pekerjaan dan sumber pendapatan. Malah, buku ini turut meninjau peluang pekerjaan yang wajar diwujudkan dan diperlukan

oleh industri tertentu (sama ada industri utama atau sokongan) dalam sesebuah kawasan pembangunan ekonomi yang pesat di seluruh negeri Johor, dan di luar kawasan Wilayah Iskandar Malaysia.

Buku ini dibahagikan kepada tujuh bab. Walaupun setiap bab membincangkan isu dan cabaran yang berbeza, namun setiap bab dalam buku ini saling berkait antara satu sama lain dalam mengupas pelbagai persoalan yang bangkit daripada impak perubahan demografi ke atas kelangsungan masyarakat Melayu di negeri Johor masa kini.

Bab satu, “Pengenalan” membincangkan aspek kepemimpinan dan dasar pembangunan ekonomi Malaysia secara umum sejak zaman selepas merdeka sehingga kini. Bab ini membincangkan perubahan dasar dan program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan di peringkat persekutuan bagi meningkatkan lagi tahap serta kedudukan sosioekonomi rakyat, khususnya komuniti Melayu. Bab ini memberikan gambaran awal tentang pendekatan politik demografi dan juga metodologi yang digunakan bagi memahami perubahan demografi, khususnya daripada dimensi sosioekonomi masyarakat majoriti negeri Johor.

“Isu dan Cabaran Pembangunan Ekonomi Johor” membincangkan kesan perubahan struktur ekonomi negeri Johor ke atas kedudukan sosioekonomi rakyatnya. Bab kedua ini menilai semula perubahan dasar awam yang diperlukan dalam memastikan segala limpahan ekonomi dinikmati oleh rakyat Johor. Kebitaraan daerah/kawasan Johor melalui Dasar Pembangunan Ekonomi Wilayah bagi menilai impak daripada proses pembangunan yang tidak setara dan seimbang menjadi fokus bab ketiga yang bertajuk, “Kebitaraan Daerah Johor”.

Seterusnya, bab keempat, “Impak Liberalisasi ke atas Ekonomi dan Pelaburan Negeri Johor” membincangkan kesan liberalisasi ekonomi dan kemasukan pelabur asing bagi meninjau senario pembangunan ekonomi negeri Johor menjelang tahun 2020. Perbincangan turut menyentuh tentang dinamika bidang pekerjaan di Malaysia yang melibatkan tenaga kerja asing kesan daripada perkembangan ekonomi global. Bab ini juga menghuraikan mobiliti pekerja asing, sama ada mahir atau separuh mahir ke negeri Johor dan pada masa yang sama turut menghuraikan mobiliti generasi muda Johor ke Singapura. Seterusnya, bab ini membincangkan hubungan peluang pekerjaan dan mobiliti masyarakat serta kesannya ke atas sosioekonomi masyarakat negeri Johor.

“Pendidikan dan Pengupayaan Modal Insan” membincangkan aspek pendidikan dan pengupayaan modal insan dalam kalangan masyarakat, khususnya para belia negeri Johor. Dalam bab kelima ini, orientasi politik sosioekonomi dan *survival* komuniti berbilang bangsa yang sangat dipengaruhi oleh tahap pendidikan masyarakat turut dihuraikan. Bab ini juga membincangkan pembangunan modal insan secara khusus dalam kalangan generasi muda dan pemerkasaan belia melalui pendidikan keusahawanan. Selanjutnya, bab ini juga memfokuskan kepada jurang

pendidikan dan pengupayaan modal insan di Malaysia yang terpaksa bersaing dengan Singapura.

Isu dan cabaran serta masalah alam sekitar yang berlaku akibat perubahan demografi di Johor dikupas dalam bab keenam yang bertajuk, “Isu Alam Sekitar dan Pembangunan Mapan”. Antara fokus bab ini adalah tinjauan dan penilaian peranan Pihak Berkuasa tempatan (PBT) dalam aspek penggunaan tanah dan penyelenggaraan bandar dan alam sekitar.

Bab terakhir iaitu “Kelangsungan Bangsa Johor dalam Arus Perubahan Ekonomi Global” akan menyimpulkan beberapa penemuan penting yang wajar diberi perhatian oleh pentadbiran negeri Johor dalam mendepani dan mengurus kepelbagaian aspirasi, permintaan serta tuntutan masyarakat Melayu yang melalui kehidupan yang kian mencabar.

Penerbitan buku ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa sokongan padu, kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak. Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Johor Corporation (JCorp) yang diketuai oleh YB Dato’ Kamaruzzaman Abu Kassim selaku Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp di atas peruntukan geran bagi membiayai penyelidikan yang menjadi teras penerbitan buku ini. Ucapan terima kasih juga kepada beberapa orang pegawai dan staf JCorp atas kerjasama serta sokongan mereka yang diberikan dalam menjayakan projek penyelidikan tersebut.

Para penulis juga merakamkan ucapan terima kasih kepada rakyat Johor yang telah memberi kerjasama yang amat baik dalam survei yang dijalankan dan juga beberapa siri perbincangan kumpulan terarah atau *Focus Group Discussion* (FGD) yang telah diadakan di beberapa buah bandar/kawasan yang terpilih iaitu Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Kluang dan Pengerang. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terdiri daripada individu, kumpulan dan organisasi, khususnya Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Haji Amran A. Rahman, Pegawai Daerah Batu Pahat, Tuan Haji Ab Wahab Ridwan dan Pegawai Pendidikan Negeri dan Daerah, Pengetua serta guru-guru yang banyak meluangkan masa untuk mengambil bahagian dalam sesi FGD.

Para penulis juga amat berterima kasih kepada Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya, khususnya Tan Sri Prof. Dr Amin Jalaludin, Naib Canselor Universiti Malaya dan juga Prof. Dr Awang Bulgiba bin Awang Mahmud, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, UM) kerana menyokong idea penerbitan buku ini. Sekalung penghargaan juga khusus kepada Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, Prof Adjung INPUMA (juga Pengerusi Telekom Malaysia) dan Encik Herizal Hazri (Perwakilan Negara, The Asia Foundation, Malaysia) yang turut menyumbang ilmu dan kepakaran dalam menjayakan projek penyelidikan dan seterusnya, penerbitan buku ini. Setinggi penghargaan kepada Prof. Dr Mohd. Hamdi Abd Shukor (mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, UM) yang telah memberi sokongan awal terhadap projek penyelidikan/perundingan ini.

Terima kasih juga kepada Amir Asraf Yunus, Muhd Iskandar Kamarudin, Mohd Firdaus Zolkifli, Fatin Nadhinah Tajul Arif, Nur Fakhрина Ab Rashid, Norhayati Tan, Mohd Zamri Hasin, Halida Hajar Anuar dan Noor Aida Farihan Razali yang membantu dalam merealisasikan penerbitan buku ini. Ribuan terima kasih diucapkan juga kepada semua staf yang terlibat dalam kerja lapangan di pelososok negeri Johor sepanjang tahun 2014-2015.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga penghargaan yang tidak terhingga kepada setiap individu, kumpulan dan organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan idea, pandangan dan cadangan bagi kajian dan seterusnya, penerbitan buku ini.

Adalah menjadi harapan INPUMA, Universiti Malaya agar buku ini akan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh pelbagai pihak berkepentingan, khususnya pemimpin politik dan pentadbiran di peringkat daerah dan negeri, penggubal dasar, komuniti perniagaan dan pelabur, dan tidak dilupakan juga, komuniti Melayu di seluruh negeri Johor.

Semoga buku ini akan dapat membantu kerajaan dan masyarakat negeri Johor dalam menggubal dan melaksana polisi dan program yang lebih holistik dan mampu menjamin kelangsungan masyarakat majoriti negeri tersebut dalam konteks global yang semakin mencabar.

# Senarai Singkatan

ASTAR	Agency for Science, Technology and Research
BISTARI	Kelab Bisnes dan Industri Johor
DAP	Democratic Action Party
ECER	Wilayah Ekonomi Pantai Timur / <i>East Coast Economic Region</i>
FDI	Pelaburan Langsung Asing / <i>Foreign Direct Investment</i>
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
GDV	<i>Gross Development Value</i>
IIB	Iskandar Investment Berhad
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
IM	Iskandar Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IRDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar / <i>Iskandar Regional Development Authority</i>
JCorp	Perbadanan Johor / <i>Johor Corporation</i>
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JSIC	Johor State Investment Centre
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia/ <i>Malaysian Agricultural Research Development Institute</i>
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia / <i>Malaysia Investment Development Authority</i>
NCER	Koridor Utara Malaysia / <i>Northern Corridor Economic Region</i>
NCIA	Koridor Utara / <i>Northern Corridor Implementation Authority</i>
NGO	Badan bukan kerajaan / <i>Non-governmental organisation</i>
PATI	Pendatang Tanpa Izin
PISA	Programme for International Student Assessment
PKENJ	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor
PKNS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
PLKN	Program Pusat Latihan Khidmat Negara

PR	Pakatan Rakyat
RAPID	Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia/ Refinery and Petrochemical Integrated Development Project
SCORE	Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak / <i>Sarawak Corridor of Renewable Energy</i>
SDC	Koridor Pembangunan Sabah / <i>Sabah Development Corridor</i>
SJER	Pembangunan Wilayah Ekonomi Selatan Johor / <i>South Johor Economic Region</i>
SME	Industri Kecil dan Sederhana/ <i>Small Medium Enterprises</i>
STEM	Science, Technology, Engineering and Mathematics
TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study
UDA	Urban Development Authority
UMNO	United Malays National Organisation
UNCTAD	United Nations Conference on Trade and Development

# 1 Pengenalan

*Khadijah Md. Khalid*

Buku ini membincangkan impak perubahan demografi khususnya dari dimensi sosioekonomi masyarakat majoriti (Melayu) negeri Johor. Perbincangan menjurus kepada isu dan cabaran proses urbanisasi dan perubahan demografi yang dicetuskan oleh mobiliti dana atau modal dan juga kemasukan atau migrasi pekerja dari dalam dan luar negara.

Turut dibincangkan dalam bab pengenalan ini adalah cabaran mengurus pembangunan (termasuk isu berkaitan alam sekitar) dan kedudukan sosioekonomi, khususnya dalam aspek pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan perumahan dalam kalangan masyarakat Melayu bandar dan golongan muda. Peranan dan impak aktor utama, khususnya pelabur Singapura dalam pembangunan sosioekonomi turut dibincangkan.

Buku ini juga mendedahkan peranan serta pengaruh pelabur dari negara China yang semakin ketara dalam kepesatan pembangunan ekonomi negeri Johor. Pelaburan mereka dalam sektor hartanah sudah pasti meninggalkan kesan jangka masa panjang ke atas masyarakat negeri tersebut. Memetik laporan berita, bertajuk “Iskandar likened to Yummy Honey” yang diterbitkan oleh Bernama, “*Local and international investors are flocking to Iskandar Malaysia’s property sector like bees drawn by the smell of honey*” (Bernama 2014).

Keghairahan ramai pelabur tempatan dan pelabur luar terutama sekali China dan Singapura membeli hartanah di negeri Johor, khususnya kawasan Iskandar Malaysia, sewajarnya diberi perhatian serius oleh kerajaan pusat dan negeri dalam konteks persekitaran ekonomi dan politik yang tidak menentu, apatah lagi, isu pemberian dan pemilikan hartanah yang begitu liberal kepada orang luar berpotensi menggugat keselamatan kedaulatan bangsa. Sehubungan itu, kumpulan penyelidik dari INPUMA, Universiti Malaya turut terpanggil untuk menjalankan kajian lebih terperinci tentang bentuk dan hala tuju pembangunan di negeri tersebut yang sudah pasti memberikan impak ke atas perubahan demografi dan sosioekonomi masyarakat negeri tersebut.

Kajian literatur tentang pembangunan ekonomi negeri Johor banyak membincangkan aspek pertumbuhan segi tiga Singapura-Johor-Riau (Bunnell et al. 2006; Ikuta 2004; Sparke et al. 2004; Douglass 2002; dan Wee 1995). Literatur yang menyentuh peranan kerajaan negeri dan perubahan demografi masyarakat negeri Johor ternyata amat kurang atau tiada sama sekali. Kajian terkini tentang negeri Johor dan pembangunan masyarakat lebih cenderung memberikan fokus terhadap projek pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia.

Apabila meneliti penulisan terkini tentang Iskandar Malaysia, kebanyakan sarjana lebih menumpukan perhatian terhadap aspek pembangunan wilayah dan perancangan bandar (Rizzo & Glasson 2012; Rizzo & Khan 2013) seperti impak Iskandar Malaysia ke atas kemudahan awam (Razak et al. 2016), sosioekonomi dan sosial (Osman et al. 2015; dan Yunos & Johar 2015) dan komuniti pribumi (Mat Nor et al. 2009). Terdapat juga kajian khusus ke atas Nusajaya, bandar pentadbiran baharu negeri Johor yang membincangkan impak ke atas penduduk setempat (Rostam et al. 2011) selain kajian tentang impak Iskandar Malaysia ke atas perubahan lanskap dan kesannya ke atas masyarakat pinggir bandar (Barau 2016). Jelas, sehingga kini masih belum ada lagi kajian menyeluruh mengenai impak perubahan demografi ke atas kedudukan sosioekonomi masyarakat majoriti Johor berikutan pembangunan pesat ekonominya dalam tempoh satu dekad kebelakangan ini. Malahan, tiada satupun kajian seumpamanya yang pernah dijalankan bagi negeri-negeri lain, khususnya yang pesat membangun seperti Selangor dan Johor.

Memandangkan literatur tentang aspek perubahan demografi adalah terhad, kajian bagi buku ini banyak bersandarkan survei dan FGD yang dilaksanakan di beberapa buah bandar/daerah negeri Johor. Kajian buku ini turut merujuk artikel akhbar arus perdana seperti *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *New Straits Times*, dan *The Star*. Selain itu akhbar harian yang turut dirujuk termasuklah *Financial Daily*, akhbar mingguan *The Edge*, tabloid seperti *Sinar Harian*, *Harian Metro* dan *Malay Mail*. Akhbar dalam talian seperti *Malaysian Insider* dan *Malaysiakini* turut dimanfaatkan. Rujukan pelbagai jenis akhbar ini adalah bertujuan untuk meninjau suara dan pandangan masyarakat di peringkat akar umbi terhadap implikasi positif dan negatif daripada kepesatan proses pembangunan yang kini berlangsung di negeri Johor.

Statistik terkini populasi Johor (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010) mencatatkan jumlah penduduk negeri tersebut adalah seramai 3,230,440 orang termasuk bukan warganegara. Mengikut pecahan etnik, orang Melayu terdiri daripada 52.6 peratus (1,698,472 orang) jumlah penduduk manakala 30.9 peratus (997,590 orang) adalah daripada etnik Cina dan 6.5 peratus pula etnik India (209,260 orang). Hampir dua peratus daripada jumlah penduduk adalah daripada kalangan bumiputera lain dan kaum-kaum lain. Apa yang menarik, 8.1 peratus (262,352 orang) penduduk

terdiri daripada golongan bukan warganegara. Statistik bukan warganegara adalah agak mengejutkan kerana ia melebihi populasi komuniti India, iaitu sebanyak 1.6 peratus (53,092 orang). Penduduk bukan warganegara adalah terdiri daripada imigran yang mendaftar sebagai pekerja (buruh dan ekspatriat) dan pelajar yang menetap di kediaman mereka di negeri Johor bagi tempoh enam bulan atau lebih pada tahun bancian statistik belia (15-40 tahun) negeri Johor bagi tahun 2010 adalah 1,283,292 orang (43.5%) daripada jumlah keseluruhan negeri tersebut. Dalam kajian yang dijalankan, golongan belia mewakili 77.3 peratus daripada jumlah keseluruhan responden

Secara umumnya, kajian komprehensif INPUMA adalah berdasarkan sampel kajian yang melibatkan seramai 5,354 responden, iaitu 0.2 peratus daripada jumlah populasi negeri Johor. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penulisan buku ini, hanya survei ke atas 3,376 responden Melayu telah diambil kira. Responden Cina adalah seramai 1,761 orang manakala responden India adalah 105 orang dan lain-lain (termasuk Bumiputera Sarawak dan Sabah) adalah 112 orang.

Kajian menyeluruh oleh INPUMA meliputi bandar-bandar utama yang pesat membangun di negeri Johor seperti Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Pasir Gudang dan Pengerang (Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia, RAPID Petronas). Secara perbandingan, kajian turut dilaksanakan di daerah/kawasan yang dianggap tiada berlakunya pembangunan ekonomi yang rancak seperti daerah Segamat dan Mersing.

Kumpulan responden terdiri daripada kumpulan isi rumah, pegawai kerajaan dan swasta, ahli politik/pemimpin tempatan, ahli badan bukan kerajaan (NGO) dan generasi muda (khususnya antara 20-40 tahun) yang dapat digolongkan kepada beberapa kohort utama, iaitu pelajar institusi pengajian tinggi/politeknik/kolej komuniti, golongan belia yang masih tinggal bersama dengan ibu bapa/keluarga atau tinggal sendiri (sama ada masih belajar atau bekerja), generasi muda kelas menengah dan profesional serta dalam kalangan mereka yang berhijrah ke bandar untuk bekerja di sektor sokongan. Sebanyak 27 peratus responden terlibat dalam bidang pekerjaan utama seperti sektor jualan dan perkhidmatan manakala 24 peratus lagi dalam sektor pengurusan/profesional. Kategori pekerjaan lain merujuk kepada pekerjaan seperti nelayan, peniaga, bekerja sendiri dan beberapa jenis pekerjaan lain. Hampir 40 peratus responden berpendidikan menengah, diikuti 17 peratus berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dan 17 peratus lagi memiliki Diploma. Selain instrumen soal selidik, kajian ini juga menggunakan pendekatan perbincangan kumpulan terarah (selepas ini FGD).

Justeru, buku ini mampu mengisi lompong dalam wacana mengenai isu, permasalahan dan cabaran yang dihadapi kerajaan negeri dalam mewujudkan suasana kondusif yang dapat menjamin kesejahteraan hidup rakyat negeri Johor yang semakin tertekan dan terhimpit akibat

kerancangan arus pembangunan yang semakin tidak terkawal. Apa yang pasti, pembangunan pesat ini turut meminggirkan kelompok tertentu seperti belia di peringkat akar umbi. Buku ini juga mengemukakan pandangan generasi muda mengenai isu dan cabaran semasa terutama sekali terhadap projek pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia yang turut dikenali sebagai Iskandar Malaysia.

## **Kepimpinan dan Dasar Pembangunan Ekonomi Malaysia**

Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia sepertimana negara-negara membangun yang lain sentiasa berusaha untuk memastikan agenda pembangunan sosioekonomi rakyat berjaya dilaksanakan. Pelbagai dasar kerajaan telah dilancarkan sejak kemerdekaan negara, terutama sekali rancangan pembangunan luar bandar yang telah diabaikan oleh pentadbir kolonial British.

Pada era 1950-an sehingga 1970-an, fokus utama kerajaan adalah untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan yang dapat membantu meningkatkan lagi tahap sosioekonomi rakyat, khususnya komuniti Melayu luar bandar yang merupakan masyarakat majoriti Malaysia. Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan kemudiannya oleh seorang lagi Perdana Menteri 'berjiwa rakyat', iaitu Tun Abdul Razak Hussein telah melaksanakan pelbagai polisi dan program pembangunan, terutama sekali dalam membantu masyarakat luar bandar yang rata-rata hidup di bawah paras kemiskinan.

Antara sektor penting yang mendapat perhatian utama kerajaan adalah pembinaan infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan raya, jambatan, sekolah, hospital/klinik dan lain-lain lagi. Penyediaan kemudahan asas ini amat penting dalam merealisasikan agenda pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar yang ketika itu masih lagi hidup dalam serba kekurangan. Tumpuan utama dasar kerajaan adalah memastikan rakyat luar bandar dapat mencari sumber mata pencarian baharu dan meningkatkan lagi pendapatan dan sekali gus, mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan.

Kerajaan Perikatan (kemudiannya Barisan Nasional selepas tahun 1974) di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman dan diikuti oleh Tun Abdul Razak giat melaksanakan pelbagai projek pembangunan luar bandar yang mampu menjana pendapatan rakyat melalui aktiviti ekonomi yang berteraskan pertanian dan berorientasikan eksport. Beberapa agensi dan badan berkanun ditubuhkan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Koperasi Peladang untuk memberikan galakan serta khidmat nasihat kepada para

petani, nelayan dan pengusaha tempatan bagi membantu menambahkan lagi hasil keluaran mereka untuk dieksport.

Dasar pembangunan utama yang dilancarkan dalam era kepimpinan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak termasuklah pembukaan tanah secara besar-besaran menerusi agensi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) bagi tujuan pertanian dan penempatan masyarakat Melayu. Ini diikuti dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dikuatkuasakan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Justeru, DEB mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi supaya dapat mengurangkan dan seterusnya, menghapuskan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi.

Ringkasnya, kerajaan di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak amat prihatin dan sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat, khususnya masyarakat Melayu yang tinggal di luar bandar. Hal ini jelas menunjukkan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak merupakan model kepimpinan yang responsif terhadap aspirasi dan tuntutan semasa masyarakat (Crouch 1996). Contoh keprihatinan pentadbiran kerajaan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak termasuklah pelancaran Rancangan Buku Hijau peringkat kebangsaan pada 20 Disember 1974. Antara rancangan yang diberi perhatian adalah tanaman jangka pendek, perkebunan cara berkelompok, rancangan ternakan, rancangan peliharaan ikan air tawar, pemasaran yang baik dan projek-projek kecil yang lain. Matlamat Rancangan Buku Hijau ialah untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya dapat memenuhi keperluan negara serta menambah pendapatan rakyat. Program ini juga penting dalam memastikan wakil rakyat dan pegawai kerajaan lebih peka dan aktif dalam melibatkan diri dalam usaha-usaha pembangunan (*Utusan Malaysia* 2007).

Pelbagai dasar pembangunan yang diilhamkan oleh kepimpinan politik turut mendapat sokongan daripada golongan birokrat awam yang merupakan kumpulan pelaksana yang menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan amanah (Khadijah Md Khalid et. al 2007). Tidak hairanlah sekiranya aspirasi dan kehendak masyarakat majoriti ketika itu dapat direalisasikan oleh kerajaan yang jelas mengutamakan kepentingan serta kebajikan rakyat. Gandingan mantap kepimpinan politik dan birokrat awam amat penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan pelbagai dasar dan program pembangunan, khususnya pada era 1950-an hingga lewat 1970-an.

Kepimpinan negara di bawah Tun Hussein Onn (1976-1981) yang juga terkenal dengan ketegasan dalam memerangi rasuah telah meneruskan misi dan visi kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak. Kepimpinan Tun Hussein Onn amat menitikberatkan penerapan nilai etika dan integriti dalam pentadbiran awam kerana menyedari polisi dan program

**K**erancangan pembangunan ekonomi Johor, khususnya selepas pelancaran Projek Pembangunan Iskandar Malaysia hampir sedekad lalu telah menampakkan pelbagai kesan yang dijangka dan tidak dijangka yang memerlukan penyelesaian yang konkrit. Permasalahan dan cabaran yang berbangkit daripada kepesatan proses pembangunan di Iskandar Malaysia dan juga limpahan di luar wilayah Iskandar Malaysia telah memberi impak besar ke atas pembangunan sosiobudaya dan ekonomi masyarakat majoriti. Kedudukan strategik Johor yang bersebelahan dengan negara ketiga terkaya di dunia, Singapura, menjadikan masyarakat Johor semakin terdedah kepada pelbagai tekanan dan cabaran.

Buku ini cuba menjawab beberapa persoalan utama, antaranya, sejauh manakah pembangunan ekonomi di sesebuah kawasan/wilayah benar-benar memberi pulangan dan manfaat ekonomi kepada masyarakat tempatan. Buku ini turut meninjau peluang pekerjaan yang telah diwujudkan dan diperlukan oleh industri tertentu (sama ada industri utama atau sokongan) dalam sesebuah kawasan pembangunan ekonomi yang pesat di seluruh Johor, dan di luar Iskandar Malaysia.

Buku ini dibahagikan kepada tujuh bab. Setiap bab membincangkan isu dan cabaran yang berbeza, tetapi saling berkait dalam mengupas pelbagai persoalan yang mempunyai impak demografi ke atas kelangsungan masyarakat Melayu di Johor masa kini.



**PENERBIT  
UNIVERSITI  
MALAYA**

